



SULTAN NAZRI MUIZZUDDIN SHAH bersama Chua Ling Ling (kiri) dan Dr. Mohd. Sukor Su'ait dalam Majlis Pengumuman Penerima Anugerah Merdeka 2015 di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID

Pengasas Mercy Malaysia terima Anugerah Merdeka 2015

KUALA LUMPUR 1 Okt. - Penglibatan aktif dalam misi kemanusiaan di banyak negara termasuk membantu umat Islam Palestin melalui Persatuan Bantuan Perubatan (Mercy) Malaysia melayakkan Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Merdeka 2015.

Selain Dr. Jemilah, lima individu lain iaitu Prof. Emiritus Datuk Dr. Abdul Latiff Mohamad, Prof. Emiritus Tan Sri Dr. Zaki Abdul Hamid, Prof. Datin Paduka Dr. Khatijah Mohamad Yusoff, Prof. Datuk Dr. Ir. Mohd. Ali Hashim dan Dr. Elizabeth Lesley Bennet turut dipilih memenangi anugerah tersebut atas kepakaran dalam bidang masing-masing.

Dr. Jemilah dipilih dalam kategori Pendidikan dan Komuniti atas sumbangannya sebagai pengasas Mercy Malaysia dan turut terlibat sebagai sukarelawan untuk membantu golongan yang memerlukan sama ada di dalam atau luar negara.

Bagi kategori Alam Sekitar, Dr. Abdul Latiff yang terlibat aktif dalam kajian biodiversiti serta berjaya menemukan 18 spesies baharu tumbuh-tumbuhan untuk kegunaan saintifik berkongsi anugerah dengan Dr. Zakri yang merupakan Penasihat Sains Perdana Menteri.

Khatijah yang juga Dekan Fakulti Sains Bioteknologi dan Biomolekul Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima anugerah dalam kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi manakala Ali yang merupakan pengkaji teknologi hijau dari Universiti Malaya (UM) dipilih bagi kategori Pencapaian Akademik.

Sementara itu, Bennet yang datang ke negara ini pada 1984 bagi menjalankan kajian pemuliharaan hidupan liar dipilih bagi kategori Sumbangan Untuk Rakyat Malaysia.

Setiap pemenang menerima piala, lukisan yang dihasilkan pelukis terkenal, Latiff Mohidin dan wang tunai sebanyak RM500,000.

Majlis mengumumkan penerima-penerima Anugerah Merdeka 2015 itu disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Anugerah Merdeka di Menara Berkembar Petronas di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

Pada majlis itu, baginda turut menyerahkan Anugerah Geran Merdeka 2015 kepada dua penyelidik muda iaitu Dr. Mohd. Sukor Su'ait dan Chua Ling Ling.

Dalam pada itu, Sultan Nazrin bertitah, sejak diperkenalkan pada 2007, sebanyak 28 individu dan dua organisasi telah menerima anugerah berkenaan.

"Pemilihan pemenang anugerah ini yang bermula pada bulan Januari dibuat secara meluas dan teliti, hanya yang mempunyai hasil luar biasa akan layak ke peringkat akhir," titah baginda.